

19 AUG 2000

Lee-Mahathir/I

MAHATHIR TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ANWAR DITAHAN IKUT ISA ATAU ISU MATA
LEBAM, KATA LEE

SINGAPURA, 19 Ogos (Bernama) -- Menteri Kanan Lee Kuan Yew, dalam satu wawancara dengan BBC semalam, berkata bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bertanggungjawab bagi penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun terhadap mata lebam Anwar.

Lee berkata beliau tidak boleh menyatakan perkara itu semasa perbincangan Anwar sedang berlangsung kerana ia tidak boleh dibuat ketika itu.

"Tetapi perbincangan sudah habis dan saya rasa patut dijelaskan bahawa Dr Mahathir tidak bertanggungjawab bagi penahanan Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun bertanggungjawab bagi mata lebam Anwar," katanya dalam temubual itu yang disiarkan oleh akhbar Straits Times hari ini.

Lee ditemuramah oleh pengacara Christopher Gunness mengenai komennya semasa sidang media di Kuala Lumpur bahawa isu Anwar adalah "benar-benar satu malapetaka" dan beliau benar-benar berasa kasihan dengan Dr Mahathir dan bahawa pemimpin Malaysia itu telah membuat beberapa kesilapan dalam perhitungannya.

Sidang media itu diadakan pada Khamis di akhir lawatan Lee selama empat hari ke Malaysia.

Lee berpegang pada kenyataannya itu dan berkata beliau yakin bahawa Dr Mahathir telah memberitahunya perkara yang sebenarnya bahawa beliau tidak tahu menahu bahawa Anwar akan ditahan mengikut ISA semasa mereka bertemu di Davos tahun lepas.

Bekas Ketua Polis Negara Malaysia Tan Sri Rahim Noor telah mengaku menyerang Anwar sehingga menyebabkan mata Anwar lebam. Rahim kemudiannya dihadapkan ke mahkamah.

Minggu lepas, Anwar dijatuhi hukuman penjara sembilan tahun kerana kesalahan meliwat. Hukuman itu akan bermula selepas dia habis menjalani hukuman penjaranya selama enam tahun kerana kesalahan rasuah.

Petikan daripada temuramah dengan BBC:

CHRISTOPHER GUNNESS: Semalam, kami melaporkan mengenai kenyataan Menteri Kanan Lee Kuan Yew. Semasa dalam lawatan pertamanya ke Malaysia dalam tempoh sedekad beliau memberitahu sidang media bahawa isu Anwar adalah "benar-benar satu malapetaka" dan beliau berkata bahawa beliau lebih berasa kasihan dengan Perdana Menteri Malaysia Mahathir Mohamad daripada Encik Anwar. Encik Lee berkata Dr Mahathir telah membuat beberapa kesilapan dalam perhitungannya. Beliau juga mendedahkan bahawa beliau telah memberitahu Dr Mahathir bahawa undang-undang jenayah dan bukannya Akta Keselamatan Dalam Negeri patut digunakan terhadap Anwar. Lee Kuan Yew bersama-sama kita sekarang.

Menteri Kanan, adakah anda berpendapat anda membuat silap semasa menyatakan perkara itu?

LEE: Tidak, saya tidak fikir begitu, saya tidak boleh katakannya semasa perbincangan Anwar berlangsung kerana (komen) itu bukan perkara sepatutnya dibuat pada masa itu. Tetapi perbincangan sudah habis dan saya rasa patut dijelaskan bahawa Dr Mahathir tidak bertanggungjawab bagi penahanan Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun beliau bertanggungjawab bagi mata lebam Anwar.

Saya bercakap dengan beliau di Davos kira-kira dua, tiga bulan selepas Anwar ditahan dan keadaannya yang teruk ketika hadir di mahkamah yang telah menimbulkan kebingungan di seluruh dunia. Saya tanya beliau kenapa dia ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dan beliau memberitahu saya bahawa beliau tidak tahu bahawa Anwar akan ditahan mengikut ISA. Saya terkejut bahawa beliau tidak diberitahu. Beliau menjelaskan bahawa di Malaysia ia adalah hak perundangan atau kuasa ketua polis untuk menahan

tanpa memaklumkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

GUNNESS: Menteri Kanan, jika saya boleh tanyakan anda ini, dengan menyatakan bahawa Dr Mahathir...

LEE: Tidak, tidak, biar saya jelaskan kenapa saya kata ialah adalah benar-benar satu malapetaka. Lihat, pada masa itu "mata lebam" muncul selepas dua minggu. Jika ia dijalankan mengikut Kanun Prosedur Jenayah, perkara itu tidak mungkin berlaku.

GUNNESS: Tetapi menteri, boleh saya tanyakan satu soalan di sini? Dengan menyatakan bahawa Dr Mahathir tidak tahu menahu bahawa ISA telah digunakan, adakah anda mencadangkan bahawa beliau adalah, daripada satu segi, tidak cekap? Adakah itu satu daripada kesilapan perhitungannya, dengan menggunakan ayat anda?

LEE: Komen saya ia adalah kesilapan perhitungan yang besar ialah bahawa beliau tidak mengumumkannya. Beliau boleh membatalkan penahanan mengikut ISA dan meneruskannya mengikut Akta Prosedur Jenayah. Tetapi beliau bukan seorang peguam. Saya, ya, dan saya mungkin melakukan itu serta merta. Dan satu lagi ialah tidak mengambil tindakan segera terhadap ketua polis yang menyalahgunakan kuasanya.

Oleh kerana beliau tidak melakukan itu semua, kini Dr Mahathir menanggung kesan sampingan daripada tindakan itu, kesilapan besar ketua polis negara, dan beliau terpaksa membayarnya dengan harga yang tinggi kerana pandangan dunia dan laporan media bahawa seolah-olah beliau yang mengarah atau secara peribadi bertanggungjawab bagi semua tindakan itu, dan itu mewarnai semua prosiding seterusnya dan laporan perbicaraan itu.

GUNNESS: Menteri, boleh saya...

LEE: Dengan melakukan semua itu, ia mungkin tidak berlaku malapetaka sedemikian.

GUNNESS: Okay, Mentri Kanan, benarkan saya tanya anda satu soalan. Saya rasa itu yang bermain dalam fikiran semua orang. Kenapa anda menyatakan semua ini? Dan kenapa anda nyatakan semuanya secara umum di sidang media lain? Kenapa tidak balik dulu ke Singapura dan tidak berkata apa-apa?

LEE: Bukan, oleh kerana saya ditekan berkali-kali oleh agensi dan saya fikir bahawa kini adalah masanya yang tepat dan betul kerana perbicaraan sudah habis dan bahawa dunia harus tahu bahawa saya pernah membincangkan perkara ini dengan beliau di Davos semasa perbicaraan akan berlangsung dan beliau telah memberitahu saya dan saya percaya beliau kerana selepas itu, saya bincangkan perkara ini dengan beberapa menterinya dan mereka memberi jaminan kepada saya bahawa Dr Mahathir tidak ada kena mengena sama ada dengan penahanan mengikut ISA atau isu mata lebam.

Dan saya rasa bahawa ia adalah satu kesilapan amat besar, tidak memberikan penjelasan mengenai kedudukan itu pada awal lagi...

GUNNESS: Encik Lee...

LEE: .. pada awal perbicaraan kerana keseluruhan prosiding diwarnai oleh hakikat bahawa orang ini dijadikan mangsa.

-- BERNAMA

TCL RHM MAI